

# PROGRAM MEMFAILKAN BORANG NYATA CUKAI PENDAPATAN (BNCP) BAGI TAHUN 2011

## 1. PENGEMUKAAN BORANG BE, B, M, P, TP, TJ DAN TF DALAM TAHUN KALENDAR 2011

### 1.1 Tarikh Akhir Pengemukaan BNCP Tahun Taksiran 2010

| Punca Pendapatan             | Tarikh Akhir Pengemukaan BNCP |
|------------------------------|-------------------------------|
| Tidak Menjalankan Perniagaan | 30 April 2011                 |
| Menjalankan Perniagaan       | 30 Jun 2011                   |

### 1.2 Tambahan Masa (*Grace Period*) Untuk Mengemukakan BNCP Kertas Melalui Pos Dan Serahan Tangan

- i. BNCP kertas yang diterima oleh LHDNM selepas tarikh akhir pengemukaan borang dianggap sebagai telah diterima dalam tempoh yang ditetapkan jika borang diterima dalam tempoh 3 hari selepas tarikh akhir pengemukaan borang (tidak termasuk hari Sabtu, Ahad dan cuti umum).
- ii. Tambahan masa ini juga terpakai untuk bayaran:
  - a. baki cukai di bawah subseksyen 103(1) Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP 1967); dan
  - b. cukai kena dibayar di bawah subseksyen 103(1A) dan 103(2) ACP 1967 bagi taksiran yang dibangkitkan dalam tahun kalendar 2011.
- iii. Selain daripada keadaan dalam perenggan 1.2(ii) di atas, sebarang permohonan untuk tambahan masa tidak akan dipertimbangkan.
- iv. Tambahan masa ini TIDAK TERPAKAI untuk BNCP yang dihantar melalui media elektronik.

- v. Tarikh akhir pengemukaan BNCP adalah seperti yang ditetapkan dalam ACP 1967.

### 1.3 Sistem e-Filing Borang BE, B, M Dan P Tahun Taksiran 2010 Serta Borang E Saraan Bagi Tahun 2010

Sistem e-Filing bagi individu, perkongsian dan majikan disediakan mulai tarikh seperti berikut:

| Jenis BNCP                  | Modul Individu | Modul Ejen Cukai (TAeF) |
|-----------------------------|----------------|-------------------------|
| e-BE, e-B, e-M, e-E dan e-P | 1 Mac 2011     | 1 Mac 2011              |

## 2. PENGEMUKAAN BNCP C, R, C1, TA, TC DAN TR DALAM TAHUN KALENDAR 2011

### 2.1 Tarikh Akhir Pengemukaan BNCP

Subseksyen 77A(1) dan 103(1) ACP 1967, Peruntukan Kecualian dan Peralihan Akta Kewangan 2007 (Akta 683) dan Akta Kewangan 2009 (Akta 693) menyatakan bahawa pengemukaan BNCP berkenaan serta pembayaran baki cukai dan hutang kepada kerajaan perlu dibuat selewat-lewatnya pada hari terakhir bulan ketujuh dari tarikh yang berikutan dengan tarikh penutupan tempoh perakaunan syarikat.

### 2.2 Tambahan Masa Untuk Mengemukakan BNCP Kertas Melalui Pos Dan Serahan Tangan

- i. BNCP kertas yang LHDNM terima selepas tarikh akhir pengemukaan borang berkenaan dianggap sebagai telah diterima dalam tempoh yang ditetapkan jika borang diterima dalam tempoh **3 hari** selepas tarikh akhir pengemukaan borang (**tidak termasuk hari Sabtu, Ahad dan cuti umum**). Tambahan masa ini terpakai untuk Borang C, R, C1, TA, TC dan TR yang mana tarikh akhir pengemukaan borang jatuh dalam tahun kalendar 2011 sahaja.

Contoh 1: Syarikat dengan tempoh perakaunan berakhir 31.03.2011 (Tahun Taksiran 2011), perlu mengemukakan bukti bahawa BNCP kertas telah dihantar pada atau sebelum 31.10.2011 sekiranya BNCP diterima selepas 03.11.2011.

Contoh 2 : Tarikh akhir untuk mengemukakan BNCP kertas setelah diberi tambahan masa adalah seperti berikut:

| <b>Tahun Taksiran</b> | <b>Tempoh Perakaunan Berakhir</b> | <b>Tambahan Masa Sehingga</b> |
|-----------------------|-----------------------------------|-------------------------------|
| 2010                  | 31 Mei 2010                       | 7 Januari 2011 *              |
| 2010                  | 30 Jun 2010                       | 8 Februari 2011               |
| 2010                  | 31 Disember 2010                  | 4 Ogos 2011                   |
| 2011                  | 31 Mei 2011                       | 5 Januari 2012                |

\* *Program Memfailkan Borang Bagi Tahun 2010 adalah terpakai*

- ii. Tambahan masa ini juga terpakai untuk bayaran:
  - a. baki cukai di bawah subseksyen 103(1) ACP 1967,
  - b. cukai kena dibayar di bawah subseksyen 103(1A) dan 103(2) ACP 1967 bagi taksiran yang dibangkitkan dalam tahun kalendar 2011; dan
  - c. bayaran hutang kepada kerajaan di bawah Akta Kewangan 2007 (Akta 683) dan Akta Kewangan 2009 (Akta 693).
- iii. Selain daripada keadaan dalam perenggan 2.2(ii) di atas, sebarang permohonan untuk tambahan masa tidak akan dipertimbangkan.
- iv. Tambahan masa ini TIDAK TERPAKAI untuk BNCP yang dihantar melalui media elektronik.

### **2.3 Lanjutan Masa Untuk Mengemukakan BNCP Kertas**

- i. Permohonan untuk lanjutan masa boleh dibuat dengan syarat LHDNM menerima permohonan sekurang-kurangnya 15 hari sebelum tarikh akhir pengemukaan borang. Permohonan yang diterima di luar tempoh yang ditetapkan akan ditolak.

- ii. Permohonan lanjutan masa untuk bayaran baki cukai dan hutang kepada kerajaan hendaklah dikemukakan bersama, jika diperlukan juga.
- iii. Permohonan perlu disertakan dengan alasan yang munasabah dan kukuh. Permohonan akan dipertimbangkan berdasarkan merit kes.
- iv. Permohonan hendaklah dialamatkan kepada:  
Pengarah Bahagian Dasar & Operasi  
Jabatan Operasi Cukai  
Blok 9, Tingkat 13  
Kompleks Bangunan Kerajaan  
Jalan Duta, 50600 Kuala Lumpur

#### **2.4 Kategori Syarikat Yang Tidak Perlu Mengemukakan Borang R**

Syarikat yang mula beroperasi selepas 31 Disember 2007 **tidak perlu** mengemukakan Borang R mulai Tahun Taksiran 2010 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

#### **2.5 Tarikh Akhir Pengemukaan BNCP**

Tarikh akhir pengemukaan BNCP yang dinyatakan dalam perenggan 2.1, 2.2 dan 2.3 adalah seperti yang ditetapkan dalam ACP 1967.

### **3. Borang E Saraan Bagi Tahun 2010**

#### **3.1 Pengemukaan Borang E 2010**

##### **i. Tarikh akhir pengemukaan borang**

Borang E 2010 dikeluarkan kepada majikan pada 31.01.2011. Subseksyen 83(1) ACP 1967 menetapkan bahawa borang perlu dikemukakan pada atau sebelum 31 Mac 2011.

##### **ii. Tambahan masa untuk mengemukakan Borang E kertas melalui pos dan serahan tangan**

Borang E kertas yang diterima selepas tarikh akhir pengemukaan borang berkenaan dianggap sebagai telah diterima dalam tempoh

yang ditetapkan jika diterima dalam tempoh **3 hari** selepas tarikh akhir pengemukaan borang (**tidak termasuk hari Sabtu, Ahad dan cuti umum**).

iii. **Lanjutan masa untuk mengemukakan Borang E kertas**

a. Permohonan untuk lanjutan masa boleh dibuat dengan syarat LHDNM menerima permohonan sekurang-kurangnya 15 hari sebelum tarikh akhir pengemukaan borang. Permohonan yang diterima di luar tempoh yang ditetapkan akan ditolak.

b. Permohonan perlu disertakan dengan alasan yang munasabah dan kukuh. Permohonan akan dipertimbangkan berdasarkan merit kes.

c. Permohonan hendaklah dialamatkan kepada:

Pengarah Bahagian Dasar & Operasi  
Jabatan Operasi Cukai  
Blok 9, Tingkat 13  
Kompleks Bangunan Kerajaan  
Jalan Duta, 50600 Kuala Lumpur

iv. Tarikh akhir pengemukaan borang adalah seperti yang ditetapkan dalam ACP 1967.

### **3.2 Penyerahan Borang C.P. 8A / C.P. 8C (EA / EC) Kepada Pekerja**

Mengikut peruntukan subseksyen 83(1A) ACP 1967, majikan dikehendaki menyediakan Borang C.P. 8A / C.P. 8C (EA / EC) bagi tahun berakhir 2010 dengan lengkap dan memberikan borang tersebut kepada semua pekerja pada atau sebelum 28 Februari 2011.

### **3.3 Tatacara Pengemukaan Borang E Dan C.P. 8D**

i. Borang hendaklah dikemukakan ke Jabatan Pemprosesan Maklumat Pandan Indah.

ii. Borang C.P. 8D boleh dikemukakan melalui kaedah berikut:

a. Secara e-Filing jika Borang E dikemukakan secara e-Filing;

- b. Mengemukakan fail txt dalam CD dan disket dengan spesifikasi data seperti di Lampiran 1 Bahagian A;
  - c. Mengemukakan fail Microsoft Excel dalam CD dan disket mengikut spesifikasi seperti di Lampiran 1 Bahagian B; atau
  - d. Penghantaran borang kertas C.P. 8D.
- iii. Pengemukakan secara e-Filing adalah digalakkan. Majikan yang tidak mengguna kaedah e-Filing disarankan untuk mengemukakan C.P. 8D melalui kaedah 3.3(ii)(b) atau 3.3(ii)(c) di atas terutama sekali bagi majikan yang mempunyai **20 orang** atau lebih pekerja.

#### 4. Menghadkan Penggunaan Borang PDF

- i. Bagi memudahkan kerja pemprosesan, **ejen cukai** tidak dibenarkan mengguna borang PDF. Peraturan ini berkuat kuasa seperti berikut:

| Kategori BNCP                    | Tarikh Kuat Kuasa   |
|----------------------------------|---------------------|
| C, R, C1, TA dan TC (kecuali TR) | Tahun Taksiran 2009 |
| B, BE, M, E, P, TP, TJ dan TF    | Tahun Taksiran 2008 |

- ii. Penggunaan borang PDF tidak dibenarkan bagi **semua pembayar cukai dan ejen cukai** untuk kategori borang seperti berikut:

| Kategori BNCP                    | Tarikh Kuat Kuasa         |
|----------------------------------|---------------------------|
| C, R, C1, TA dan TC (kecuali TR) | Mulai Tahun Taksiran 2010 |
| B, BE, M, E, P, TP, TJ dan TF    |                           |

- iii. Penggunaan borang PDF bagi tahun-tahun taksiran sebelum tahun taksiran yang dinyatakan di atas adalah dibenarkan.
- iv. Pembayar cukai yang tidak menerima borang nyata kertas yang dikeluarkan oleh LHDNM bolehlah memfailkan borang secara e-Filing.
- v. Mulai Tahun Taksiran 2010, LHDNM hanya akan menerima borang nyata kertas asal yang dihantar kepada pembayar cukai atau borang

PDF yang diperoleh daripada cawangan yang mempunyai cap asal alamat LHDNM. Walau bagaimanapun, pembayar cukai adalah digalakkan memfailkan borang secara e-Filing.

## **5. Kes Tuntutan Bayaran Balik**

### **5.1 Lampiran / Helaian Kerja**

Lampiran yang digunakan untuk pengiraan tidak perlu dikemukakan bersama-sama dengan BNCP. Hanya lampiran atau helaian kerja bagi kes bayaran balik seperti berikut sahaja yang perlu dikemukakan:

- i. Lampiran B1 / HK-3 berkenaan tolakan cukai seksyen 51 Akta Kewangan 2007 (dividen);
- ii. Lampiran B2 / HK-6 berkenaan tolakan cukai seksyen 110 ACP 1967 (lain-lain);
- iii. Lampiran B3 / HK-8 berkenaan tuntutan pelepasan cukai di bawah seksyen 132 ACP 1967; atau
- iv. Lampiran B4 / HK-9 berkenaan tuntutan pelepasan cukai di bawah seksyen 133 ACP 1967.

### **5.2 Baucar Dividen Asal**

Baucar dividen asal tidak perlu dihantar bersama-sama dengan BNCP. Pembayar cukai hanya dikehendaki mengemukakan baucar dividen asal sekiranya diminta untuk tujuan audit.

### **5.3 Dokumen Lain**

Dokumen lain yang berkaitan dengan tolakan cukai seksyen 110 ACP 1967 (lain-lain) dan potongan cukai yang dibuat di negara asing hanya perlu dikemukakan jika diminta untuk tujuan audit.

## 6. Cukai Keuntungan Harta Tanah

### 6.1 Pelupusan Sebelum 01.04.2007

| BORANG NYATA |   | TANGGUNGJAWAB | TARIKH DITETAPKAN                            | DOKUMEN SOKONGAN   |
|--------------|---|---------------|--|--|
| CKHT 1       | Pelupusan Harta Tanah / Syer Dalam Syarikat Harta Tanah   | Pelupus       | Dalam tempoh 1 bulan dari tarikh pelupusan   | Bukti pemerolehan, pelupusan aset / syer dan dokumen sokongan bagi tuntutan kos sampingan oleh pelupus |
| CKHT 2       | Pemerolehan Harta Tanah / Syer Dalam Syarikat Harta Tanah | Pemeroleh     | Dalam tempoh 1 bulan dari tarikh pemerolehan | Bukti pemerolehan oleh pemeroleh   |

### 6.2 Pelupusan Mulai 01.01.2010

| BORANG NYATA |   | TANGGUNGJAWAB | TARIKH DITETAPKAN                            | DOKUMEN SOKONGAN  |
|--------------|---|---------------|--|---|
| CKHT 1A      | Pelupusan Harta Tanah                                     | Pelupus       | Dalam tempoh 60 hari dari tarikh pelupusan   | Bukti pemerolehan, pelupusan aset dan dokumen sokongan bagi tuntutan kos sampingan oleh pelupus |
| CKHT 1B      | Pelupusan Syer Dalam Syarikat Harta Tanah                 | Pelupus       | Dalam tempoh 60 hari dari tarikh pelupusan   | Bukti pemerolehan, pelupusan syer dan dokumen sokongan bagi tuntutan kos sampingan oleh pelupus |
| CKHT 2A      | Pemerolehan Harta Tanah / Syer Dalam Syarikat Harta Tanah | Pemeroleh     | Dalam tempoh 60 hari dari tarikh pemerolehan | Bukti pemerolehan oleh pemeroleh  |



### **6.3 Penggunaan Borang CKHT 3**

- i. Pelupus perlu mengisi Borang CKHT 3 (Notis Pemberitahuan Maklumat di bawah seksyen 27 ACKHT 1976) sekiranya memilih untuk mendapatkan konsesi supaya pemeroleh tidak memegang dan meremitkan 2% daripada jumlah wang balasan kepada KPHDN.
- ii. Bagi keadaan selain daripada 6.3(i) di atas, pemeroleh perlu memegang dan meremitkan 2% atau jumlah tidak melebihi daripada nilai balasan 2% mengikut mana-mana yang lebih rendah kepada Ketua Pengarah dalam tempoh 60 hari dari tarikh pelupusan aset / syer. Sebarang permohonan tambahan masa tidak dipertimbangkan.
- iii. Borang CKHT 3 perlu disertakan bersama-sama dengan Borang CKHT 1A atau CKHT 1B dan Borang CKHT 2A untuk dikemukakan ke LHDNM dalam tempoh 60 hari dari tarikh pelupusan.

### **6.4 Pengemukakan Borang CKHT**

Borang CKHT yang telah diisi dengan lengkap boleh dikemukakan ke Cawangan LHDNM yang berhampiran. Bagaimanapun, untuk mengelakkan kelewatan dalam pemprosesan borang, pelupus dan pemeroleh disarankan supaya mengemukakan borang ke Cawangan LHDNM yang mengendalikan fail cukai pendapatan pelupus. Borang CKHT akan diproses dalam tempoh 90 hari dari tarikh penerimaan borang yang lengkap.

## LAMPIRAN 1

### BAHAGIAN A: PANDUAN PENGEMUKAAN MAKLUMAT C.P. 8D DALAM FAIL TXT

#### MAKLUMAT MAJIKAN

| MAKLUMAT          | JENIS                     | PANJANG | PENERANGAN  | CONTOH             |
|-------------------|---------------------------|---------|---|--------------------|
| No. Majikan       | integer                   | 10      | No. E majikan. Diisi tanpa E di hadapan           | 2900030000         |
| Nama Majikan      | <i>variable character</i> | 80      | Nama majikan seperti yang dilaporkan kepada LHDNM | Syarikat Bina Jaya |
| Saraan Bagi Tahun | integer                   | 4       | Tahun saraan berkenaan                            | 2010               |

#### Contoh data txt :

2900030000|Syarikat Bina Jaya|2010

Nota: Setiap medan diasingkan dengan *delimiter* | dan disimpan dalam fail txt.

#### MAKLUMAT PEKERJA

| MAKLUMAT                                       | JENIS                     | PANJANG | PENERANGAN  | CONTOH   |
|--|---------------------------|---------|---|--|
| Nama Pekerja                                   | <i>variable character</i> | 60      | Nama seperti dalam kad pengenalan.  | Ali bin Ahmad                                  |
| No. Cukai Pendapatan                           | integer                   | 11      | No. cukai pendapatan seperti yang diberikan oleh LHDNM. Jika pekerja tiada no. cukai pendapatan, ruangan ini dibiarkan tanpa diisi.           | 03770324020                                    |
| No. Kad Pengenalan / Polis / Tentera / Pasport | <i>variable character</i> | 12      | Keutamaan diberikan kepada no. K/P baru diikuti dengan no. polis, no. tentera dan no. pasport. No. pasport digunakan untuk warganegara asing. | 730510125580<br>atau A2855084<br>atau T0370834 |

| MAKLUMAT  | JENIS   | PANJANG | PENERANGAN   | CONTOH   |
|---|---------|---------|--|--|
| Jumlah Saraan Kasar   | Decimal | 11      | Jumlah saraan kasar adalah tanpa nilai sen.  | RM 50000.70 dan RM 50000.20 dilaporkan sebagai 50000 |
| Elaun / Perkuisit / Pemberian / Manfaat Yang Dikecualikan Cukai | Decimal | 11      | Jumlah elaun / perkuisit / pemberian / manfaat yang dikecualikan cukai adalah tanpa nilai sen. | RM 445.60 dan RM 445.20 dilaporkan sebagai 445       |
| PCB   | Decimal | 11      | Jumlah PCB adalah tanpa nilai sen.   | RM 2555.25 dan RM 2555.90 dilaporkan sebagai 2555    |
| CP38  | Decimal | 11      | Jumlah CP38 adalah tanpa nilai sen.  | RM 1058.45 dan RM 1058.85 dilaporkan sebagai 1058    |

**Contoh data txt:**

Ali bin Ahmad|03770324020|730510125580|50000|445|2555|1058  
Mike Thompson|5822221110|ZZ5842211|20200|400|1520|3200

Nota : Setiap medan diasingkan dengan *delimiter* | dan disimpan dalam fail txt.

## BAHAGIAN B

### PANDUAN PENGEMUKAAN MAKLUMAT C.P. 8D DALAM MICROSOFT EXCEL

1. LHDNM telah menyediakan format C.P. 8D dalam bentuk Microsoft Excel 2003 untuk kemudahan majikan menyediakan data tersebut. Program tersebut boleh diperolehi melalui laman web LHDNM.
2. Media yang boleh digunakan ialah CD dan disket.
3. Majikan yang menggunakan kemudahan Microsoft Excel yang dibekalkan oleh LHDNM perlu menamakan fail mengikut piawaian seperti berikut :

YYHHHHHHHHHHH\_TTTT.XLS

YY : maklumat majikan dan pekerja (MP)  
HHHHHHHHHHH : no. E  
TTTT : tahun saraan

Contoh: Majikan dengan No. E 2900030000 untuk tahun 2010 yang menggunakan Microsoft Excel.

Satu (1) fail akan dihantar kepada LHDNM dengan nama **MP2900030000\_2010.XLS**

4. Bagi majikan yang mempunyai sistem berkomputer sendiri dan mempunyai bilangan pekerja yang ramai, mereka digalakkan untuk menyediakan data tersebut dalam bentuk txt mengikut format yang disediakan di atas (Bahagian A).
5. Bagi majikan yang memilih untuk tidak menggunakan Microsoft Excel, maklumat majikan dan pekerja akan disimpan dalam 2 fail berbeza. Walau bagaimanapun, ia perlu dimasukkan ke dalam CD yang sama dan menggunakan nama fail mengikut piawaian di bawah:

YHHHHHHHHHHH\_TTTT.TXT

Y : maklumat majikan (M) **atau** pekerja (P)  
HHHHHHHHHHH : no. E  
TTTT : tahun saraan

Contoh: Majikan dengan No. E 2900030000 untuk tahun 2010 yang menghantar fail txt.

Dua (2) fail akan dihantar kepada LHDNM dengan nama:

- (i) **M2900030000\_2010.txt** - mengandungi maklumat majikan
- (ii) **P2900030000\_2010.txt** - mengandungi maklumat pekerja

**Panduan Ralat Yang Dikeluarkan Ketika Menggunakan Format Microsoft Excel Yang Dibekalkan:**

| <b>Bil.</b> | <b>RALAT</b>  | <b>MESEJ KESALAHAN</b>   |
|-------------|---|--|
| 1           | <b>No. E:</b><br>Memasukkan nilai bukan digit atau melebihi 10 digit.   | 1. Nilai yang diterima adalah digit<br>2. Bilangan digit melebihi 10 |
| 2           | <b>Nama Majikan:</b><br>Memasukkan nama majikan melebihi 80 aksara.   | Panjang melebihi 80  |
| 3           | <b>Saraan Bagi Tahun:</b><br>Memasukkan nilai bukan digit atau melebihi 4 digit.  | Nilai bukan digit atau melebihi 4 digit                              |
| 4           | <b>Nama Pekerja:</b><br>Memasukkan nama pekerja melebihi 60 aksara.   | Panjang melebihi 60  |
| 5           | <b>No. Cukai Pendapatan:</b><br>Memasukkan nilai bukan digit atau melebihi 11 digit.  | Nilai yang dimasukkan bukan digit atau melebihi 11                   |
| 6           | <b>No. Kad Pengenalan / Polis / Tentera / No. Pasport:</b><br>Memasukkan maklumat melebihi 12 aksara.                                     | Panjang melebihi 12  |
| 7           | <b>Jumlah Saraan Kasar:</b><br>Memasukkan nilai melebihi 11 digit atau mengandungi nilai sen.   | Nilai melebihi 11 digit atau mengandungi nilai sen.                  |
| 8           | <b>Elaun / Perkuisit / Pemberian / Manfaat Yang Dikecualikan Cukai:</b><br>Memasukkan nilai melebihi 11 digit atau mengandungi nilai sen. | Nilai melebihi 11 digit atau mengandungi nilai sen.                  |
| 9           | <b>PCB:</b><br>Memasukkan nilai melebihi 11 digit atau mengandungi nilai sen.   | Nilai melebihi 11 digit atau mengandungi nilai sen.                  |
| 10          | <b>CP38:</b><br>Memasukkan nilai melebihi 11 digit atau mengandungi nilai sen.  | Nilai melebihi 11 digit atau mengandungi nilai sen.                  |